

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1997/98

September 1997

HSA 101 Pengantar Sejarah

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan, SATU [1] soalan daripada Bahagian A, SATU [1] soalan daripada Bahagian B, SATU [1] soalan daripada Bahagian C dan satu lagi daripada mana-mana Bahagian.

BAHAGIAN A

1. "Isikandungan sejarah bukan cuma masa lalu, tetapi masa lalu yang ada bukti." R.G. Collingwood. Bincangkan pernyataan tersebut.
2. Menurut R. Suntharalingam, "wujudnya tanggapan di kalangan ahli sejarah bahawa kejayaan sesuatu perjuangan atau pergerakan bergantung ke atas kewujudan satu suasana 'masak' atau 'matang'."

Adakah ini bermaksud peranan individu tidak penting dalam sejarah?

BAHAGIAN B

3. Dalam pensejarahan tradisional Melayu, soal anakronisme bukan sahaja dilakukan oleh pengarang akibat pengaruh keadaan dan sosio-budaya masyarakatnya bahkan juga adakalanya sengaja dilakukan oleh penyalin sesebuah karya. Setujukan anda dengan kenyataan ini?
4. Berbanding dengan tulisan orang tempatan dan Portugis tentang Kesultanan Melayu Melaka, hasil tulisan sarjana-pentadbir British kerap kali berat sebelah. Sejauhmanakah anda bersetuju dengan pendapat ini?

.../2

5. Menurut Muhammad Yusoff Hashim, Hukum Kanun Melaka sebenarnya memperkuatkan kedudukan raja dari segi status quo dan penguasaan politik. Setakat manakah pandangan ini dapat diterima?

BAHAGIAN C

6. Aktiviti pelanunan yang dijalankan oleh orang Iban dari Sungai Saribas dan Sungai Skrang pada abad ke-19 adalah satu warisan kebudayaan nenek moyang. Bandingkan pendapat Graham Irwin (1965) dan Robert Pringle (1970) mengenai isu ini.
7. Pendudukan Borneo Utara dan tertubuhnya Syarikat Berpiagam Borneo Utara British pada 1881 didesak semata-mata oleh kepentingan peribadi. Sejauhmanakah anda menerima pandangan sedemikian?
8. Pada pandangan anda siapakah yang dianggap "pemberontak" dalam "Pemberontakan Cina" tahun 1857 di Sarawak?

--oo000oo--